

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

SEU325/SEU420 - Perancangan Ekonomi dan Penilaian Projek

Masa: [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab Soalan Satu dan DUA (2) soalan yang lain.

Soalan Satu (wajib dijawab)

- a) Apakah butir-butir yang patut diambil kira untuk menentukan kos melepas setiap pekerja yang disalurkan daripada kegiatan lain dalam ekonomi untuk memajukan usaha sektor awam yang baru?
- b) Bandingkan antara numeraire Bank Dunia dan numeraire UNIDO dalam penilaian projek pembangunan awam.
- c) Apakah maksudnya nilai bersih kini? Apakah kelemahan pertunjuk ini bila digunakan untuk menilai sebuah projek?
- d) Apakah sebabnya sektor awam diperlukan untuk menawarkan barangan atau perkhidmatan di dalam pasaran? Apakah sebabnya kecekapan tidak dapat dicapai antara bayaran hasil dan kuantiti penawaran barang atau perkhidmatan oleh pihak awam itu?
- e) Takrifkan kadar pulangan dalaman.
- f) Takrifkan toll optimum.
- g) Takrifkan nilai sosial pelaburan

- h) Tahun ini anda membeli sebuah kereta dengan harga RM50 ribu untuk digunakan sebagai teksi. Tahun ini dan setiap tahun kemudian anda mencapai untung sebanyak RM15 ribu. Selepas empat tahun usaha kereta dijual dengan harga RM10 ribu. Apakah faedah bersih usaha anda menjalankan servis teksi ini?
- i) Tunjukkan perbezaannya di antara cukai sekaligus dan cukai ikut kadar jika tabung daripada cukai itu diperlukan untuk projek awam membangunkan kawasan kurang maju.
- j) Terangkan bagaimana keseimbangan Lindahl dapat menentukan paras penawaran barangan atau perkhidmatan awam di dalam ekonomi.

(60 markah)

Soalan Dua

Di satu kawasan perumahan mereka yang bergantung kepada pengangkutan awam hanya boleh menggunakan bas. Biasanya pelanggan terpaksa menunggu selama 30 minit sebelum bas datang. Lagipun secara purata perjalanan bas akan mengambil 30 minit. Untuk mempertingkatkan pengangkutan awam, kerajaan bercadang menyambung perkhidmatan keretapi ringan ke kawasan itu dengan membinanya infrastruktur berkenaan. Keretapi ringan akan melalui kawasan itu setiap 15 minit dan tidak akan menghadapi kesesakan jalan raya. Perjalanan dengan keretapi ringan hanya akan mengambil masa 15 minit sahaja.

Keluk permintaan penggunaan pengangkutan awam yang tidak akan berubah selamalamanya ialah

$$q = 200000 - 1000 C$$

di mana q adalah bilangan pelanggan dan C adalah kos (dalam sen) yang dihadapi oleh pelanggan.

Pembinaan akan mengambil masa dua tahun dengan kos sebanyak RM500 ribu pada tahun pertama dan RM550 ribu pada tahun kedua. Infrastruktur itu akan tahan selamalamanya dan tidak memerlukan penyelenggaraan.

Kedua-duanya tambang bas dan keretapi ringan adalah sama iaitu 50 sen seorang. Syarikat bas menghadapi kos 30 sen untuk mengangkut setiap pelanggan, tetapi kos mengangkut setiap pelanggan dengan keretapi ringan adalah 20 sen.

Kos masa bagi penduduk kawasan itu adalah RM1 sejam.

Tentukan faedah bersih bagi projek itu dengan andaian kadar diskaun 10% setahun.

(20 markah)

Soalan Tiga

- a) Apakah kos melepas pelaburan sebuah ekonomi jika sebanyak RM8 juta disalurkan dari kegiatan ekonomi lain untuk menjayakan sebuah projek awam?
- b) Apakah faedah projek awam tersebut jika faedah bersih sebanyak RM160 ribu dapat diperolehi untuk selama-lamanya?
- c) Dengan andaian kadar diskaun 5% setahun, yang manakah lebih memberikan untung: RM20000 secara serta merta atau RM100 sebulan selama-lamanya?
- d) “Jika orang yang menganggur digunakan untuk projek pembangunan awam yang baru kita tidak patut mengira gaji yang dibayar kepada mereka sebagai kos projek itu. Ini adalah kerana kerajaan dapat menjimatkan bayaran kebajikan yang mereka akan terima apabila menganggur.” Setujukah anda dengan kenyataan itu? Berikan komen.

(20 markah)

Soalan Empat

- a) Tentukan faedah bersih setiap tan eksport nanas melalui kaedah Bank Dunia dan UNIDO. Maklumat berkenaan adalah seperti berikut:

	<u>Harga</u> <u>Dunia(\$)</u>	<u>Harga</u> <u>Tempatan(RM)</u>	<u>Tarif</u> <u>(%)</u>
Nanas		1600	0
Beras		200	0
Jentera	4000		100
Barang import	1000		200
Barang Eksport		1600	0

Fungsi pengeluaran:

1 tan nanas = 50 buruh tidak mahir + 5 mahir + 0.05 jentera

Gaji:

Pekerja tidak mahir RM 10 seorang sehari

pekerja mahir RM 40 seorang hari

Corak penggunaan:

pekerja tidak mahir 20% beras + 10% import + 70% eksport

pekerjar mahir 10% beras + 50% import + 40% eksport

kadar pertukaran wang rasmi \$1 = RM2

- b) “Analisis kos dan faedah tidak begitu tepat kerana kesan tidak langsung seperti impek terhadap pembangunan industri dan perubahan harga tanah atau sumber lain tidak dapat diambil kira.” Setujukah anda dengan kenyataan itu? Berikan komen.

(20 markah)

Soalan Lima

- a) Empat projek pembangunan yang akan berlaku di beberapa kawasan sebuah bandar sedang dipertimbangkan tetapi hanya satu akan dipilih untuk pelaksanaan.

<u>Projek</u>	<u>Faedah Berkesanan (E)</u>	<u>Paras Pendapatan Kawasan</u>
A	300	400
B	500	100
C	250	300
D	700	200

Purata harga barang di sempadan US\$400

Purata harga barang tempatan RM1000

Kadar pertukaran RM2 = US\$1

Nilai pendapatan awam (v) = 1

Purata pendapatan seluruh bandar = RM250

Yang mana projek sesuai dipilih untuk pelaksanaan?

- b) “Jurang pendapatan yang luas sentiasa berlaku di dalam sebuah negara. Oleh kerana utiliti sut pendapatan penduduk miskin adalah lebih tinggi berbanding dengan penduduk kaya, wajaran yang lebih besar patut diberikan dalam penilaian kos dan faedah penduduk miskin.” Setujukah anda dengan kenyataan itu? Berikan komen.

(20 markah)